



**LENCONGAN JALAN UNTUK KERJA PEMASANGAN RASUK JAMBATAN
DI PROJEK PEMBINAAN LORONG TAMBAHAN LEBUHRAYA UTARA-
SELATAN DARI YONG PENG (UTARA) KE SENAI (UTARA)**

Petaling Jaya, 14 Disember 2025:- Pada ketika ini, Projek Pembinaan Lorong Tambahan Lebuhraya Utara-Selatan dari Yong Peng (Utara) ke Senai (Utara) sedang giat dijalankan dalam usaha memberi lebih keselesaan kepada pengguna pada masa yang akan datang. Kerja-kerja pelebaran ini turut membabitkan jambatan-jambatan yang merentangi kawasan lebuhraya di laluan Kulai-Sedenak.

Sehubungan dengan itu, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa lencongan jalan secara berperingkat akan dilaksanakan di laluan Kulai-Sedenak bermula **15 Disember hingga 18 Disember 2025** bagi membolehkan kerja-kerja pemasangan rasuk jambatan dijalankan dengan selamat seperti berikut:-

Lokasi	Arah	Masa
KM37.6 – KM37.7	Arah Utara & Selatan	10 malam – 5 pagi

Ketika kerja-kerja tersebut dijalankan, kenderaan akan dilencongan ke laluan paling kanan bagi mewujudkan zon kerja yang selamat di samping meminimumkan gangguan trafik kepada pengguna lebuhraya.

Justeru, pengguna lebuhraya disarankan supaya merancang perjalanan mereka dengan menggunakan aplikasi PLUS bagi mendapatkan maklumat trafik terkini. Pengguna juga diingatkan supaya mematuhi semua papan tanda dan arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan kerja-kerja pembinaan tersebut.

Untuk maklumat trafik semasa dan bantuan, pengguna boleh merujuk kepada Pembantu Maya PUTRI, aplikasi X@plustrafik atau paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih, atau menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya berlaku kecemasan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuhraya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini dijalankan demi keselamatan, keselesaan dan kemudahan semua.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Iskandar Dzulkifli

Ketua

Komunikasi

Expressway Project & Advisory Services Sdn Bhd (EPro)

Tel : 019-271 0280

Emel : iskandar@plus.com.my